

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT ANGGOTA MTU-SEKRETARIAT

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2831-majlis-pemakaian-pangkat-anggota-mtu-sekretariat-4

KUALA LUMPUR, 2 Jan 18 – Ketua Pengarah Sekretariat, YBhg Brig Jen Dato' Hanafiah bin Hj Abdul Manaf TUDM telah menyempurnakan majlis pemakaian pangkat anggota Sekretariat, Markas Tentera Udara hari ini.

Seramai enam anggota Sekretariat telah dinaikkan pangkat didahului oleh PW U II Zulfadzli bin Aziz yang dinaikkan ke pangkat Pegawai Waran Udara 1.

Seterusnya, Sjn U Mohd Jasmani bin Hussin dinaikkan ke pangkat Flait Sarjan. Manakala Kpl U Nor Azam bin Shepun Rizin, Kpl U Mohd Faizal bin Mokhamat dan Kpl U Fabian bin Andraw masing-masing dinaikkan ke pangkat Sarjan Udara. LUK Ishak bin Kamarudin pula dinaikkan ke pangkat Koperal Udara.

Majlis yang diadakan di Bilik Mesyuarat Rajawali turut dihadiri oleh pegawai dan anggota dari Sekretariat, Markas Tentera Udara.

